

10/06/1999

Mecom tambah peratusan pekerja melabur

MATSUSHITA Electronic Components (M) Sdn Bhd (Mecom) meletakkan sasaran untuk meningkatkan peratusan pekerja yang melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) melalui potongan gaji kepada 50 peratus tahun ini daripada 32 peratus pada masa ini.

"Justeru, kami akan meningkatkan kesedaran pekerja Bumiputera syarikat untuk melabur dalam skim berkenaan," kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Penghantaran Mecom, Mohd Khairuddin Abu Hassan di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Penolong Pengurus Besar (Sumber Manusia) Azlan Abdullah, Pengarah Eksekutif (Sumber Manusia) Jayakumar S Joseph dan Pengarah Kilang Radio (Bahagian Produk Berfrekuensi Tinggi), Baharum Othman.

Mecom terpilih untuk memenangi anugerah Pelabur Bijaksana Skim Potongan Gaji ASB sempena minggu Pelaburan Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Minggu Pelaburan PNB yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, akan berlangsung sehingga 13 Jun ini.

Ia bertujuan memberi pendedahan dan pendidikan kepada pelabur saham amanah PNB, syarikat antarabangsa serta orang ramai.

Tahun lalu, anugerah berkenaan dimenangi Motorola.

Khairuddin berkata, Mecom akan meneruskan kerjasama dengan PNB untuk mencapai matlamat itu.

Mecom yang terpilih lebih daripada 200 syarikat bersaiz besar dengan 1,000 pekerja dinilai berdasarkan peratusan peningkatan jumlah pelabur dan purata potongan gaji yang dilaburkan ke dalam ASB.

Sehingga kini lebih daripada 3,600 daripada 5,000 kakitangan Mecom yang layak melabur di dalam ASB mendapat faedah daripada skim yang diperkenalkan pada 1991.

Jayakumar berkata, 80 peratus daripada kakitangan Mecom adalah Bumiputera yang layak melabur di dalam skim berkenaan.

Menurutnya, daripada peratusan itu, 16 peratus menyertai skim berkenaan pada 1998 dan kini ia meningkat kepada 32 peratus.

Di bawah skim berkenaan, operator pengeluarannya membuat potongan RM20 setiap bulan untuk pelaburan di dalam ASB manakala kakitangan peringkat eksekutif sehingga RM700.

Jayakumar berkata, skim berkenaan adalah sebahagian daripada daya usaha syarikat itu yang menitikberatkan soal kebajikan untuk kakitangannya.

Mecom yang ditubuhkan sejak 26 tahun lalu, memperuntukkan sumbangan untuk tujuan kebajikan berjumlah RM70 bagi setiap kakitangannya pada setiap bulan.

Mecom terbabit dalam pengeluaran komponen elektronik audio video dan beroperasi di Petaling Jaya.

(END)